

D802

u 6030 DEB
PM - PROMET
(I)

1984

KUAH, 22 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, YANG SEDANG DALAM LAWATAN RASMI KESINI SELAMA DUA HARI, HARI INI MENGADAKAN MESYUARAT TERTUTUP DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI PENTING PROMET MENGENAI KEMAJUAN PROJEK PELANCONGAN SYARIKAT ITU YANG BERHARGA \$3,000 JUTA, YANG KINI SEDANG DIBANGUNKAN DI TANJUNG RHU, 20 KM DARI SINI.

HASIL MESYUARAT TERSEBUT, YANG DIADAKAN DI ATAS BOT PERANGINAN MEWAH + ASEAN LADY+, TIDAK DIUMUMKAN SERTA-MERTA TETAPI ADALAH DIFAHAMKAN BAHAWA IA TELAH MENYENTUH SOAL GALAKAN YANG DICADANGKAN UNTUK MEMBANGUNKAN PROJEK ITU.

PROMET, DALAM USAHA UNTUK MENARIK PARA PELABUR ASING MELABUR DALAM PROJEK ITU, TELAH MEMINTA GALAKAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN ISTIMEWA KERAJAAN TERMASUK MELONGGARKAN SYARAT PEMILIKAN EKUITI ASING YANG DIGARISKAN OLEH DASAR EKONOMI BARU. CADANGAN ITU TERKANDUNG DALAM SATU LAPORAN 50 MUKA YANG DIKEMUKAKAN KEPADA KERAJAAN BARU-BARU INI.

PENGERUSI PROMET, TAN SRI IBRAHIM MOHAMMAD, BILA DITEMUI OLEH PARA PEMBERITA, BERKATA PERKARA ITU TELAH DITIMBULKAN SEMASA MESYUARAT SELAMA SEJAM ITU.

BELIAU, BAGAIMANAPUN ENGGAN MENGULAS LEBIH LANJUT MENGENAI PERKARA ITU, SELAIN DARIPADA MENYATAKAN BAHAWA PERDANA MENTERI TELAH MEMBERI JAMINAN YANG KERAJAAN AKAN MENKKAJI CADANGAN TERSEBUT...

PROMET, YANG SEDANG MEMBANGUNKAN PROJEK RAKSA ITU BERSAMA-SAMA 10 PELABUR ASING DAN TEMPATAN YANG LAIN, TELAH JUGA MEMINTA TARAF PERINTIS BAGI PROJEK-PROJEK TARIKAN PELANCONGANNYA DAN MENJADIKAN LANGKAWI SEBAGAI KAWASAN BEBAS CUKAI BAGI PERSEORANGAN DAN PERBADANAN-~~PERBADANAN~~ DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG DIIRINGI OLEH MENTERI BESAR KEDAH DATUK SERI SYED NAHAR SHAHABUDDIN DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN NEGERI TERDAHULU DARI ITU DIBAWA MELAWAT TAPAK PROJEK ITU, YANG MELIPUTI KAWASAN SELUAS 1,414 HEKTAR.

KERJA ATAS PROJEK ITU, YANG DILAKSANAKAN OLEH ANAK SYARIKAT PROMET KESELURUHANNYA, PROMET (LANGKAWI) RESORTS SDN. BERHAD, DIMULAKAN AKHIR TAHUN LALU DAN FASA PERTAMANYA DIJANGKA SIAP MENJELANG AKHIR TAHUN 1986. SETAKAT INI, SYARIKAT ITU HAMPIR MENYIAPKAN KERJA MENDATAR TAPAK SEBELUM PEMBINAAN SEBENARNYA DIMULAI, DIJADUALKAN AWAL TAHUN DEPAN.

FASA PERTAMA PROJEK ITU TERMASUK PEMBINAAN TUJUH BUAH HOTEL BESAR, DUA BUAH KONDOMINIUM, KOLAM 4.4 HEKTAR DENGAN KEMUDAHAN RIADAH AIR DAN SEBUAH PADANG GOLF 18 LUBANG.

PERDANA MENTERI, SEMASA LAWATAN ITU, MEMBERITAHU PEGAWAI-PEGAWAI PROMET SUPAYA MENJAGA KEHARMONIAN PERHUBUNGAN DENGAN ORANG TEMPATAN BAGI MENJAMIN KEJAYAAN PROJEK TERSEBUT,

BUKANLAH MENJADI RAHSIA LAGI TERDAPAT SEGOLONGAN ORANG DISINI YANG DENGAN SECARA TERBUKA MENYATAKAN TIDAK PUASHATI TERHADAP PROJEK ITU, YANG MENURUT MEREKA AKAN MEMBERI KEUNTUNGAN KEPADA PARA PELABUR DAN ORANG ASING DAN BUKANNYA PENDUDUK TEMPATAN.

MALAHAN, PERDANA MENTERI, SEMASA PERJUMPAAN DENGAN UMNO DI SINI MALAM TADI MEMBERITAHU ANGGOTA-ANGGOTA PARTISUPAYA MEMBERIKAN SOKONGAN SEPENUHNYA KEPADA PROJEK ITU SUPAYA HASRAT KERAJAAN MEMAJUKAN PULAU INI MENJADI PUSAT PELANCONGAN ANTARABANGSA TERCAPAI.

AWAL HARI INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG DIIRINGI OLEH TAN SRI IBRAHIM DAN PENGARAH EKSEKUTIF PROMET DATUK ABDULLAH MOHAMMAD, TELAH MEMBUAT LAWATAN SINGKAT KE PULAU-PULAU DISEKITARNYA DENGAN BOT.

BELIAU AKAN DIRAIKAN DI MAJLIS JAMUAN MALAM INI OLEH PROMET. PERDANA MENTERI AKAN BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR PAGI ESOK.

SEMENTARA ITU, SEORANG PEGAWAI PROMET YANG ENGGAN NAMANYA DISEBUT, MEMBERITAHU BERNAMA BAHAWA SYARIKAT ITU SEDANG MENKKAJI KEMUNGKINAN MEMPERKENALKAN KONSEP PERKONGSIAN SEWAAN KONDOMINIUM UNTUK MUSIM CUTI ITU,

-- LAGI.

U B036 DEB
PM - PROMET KUAH
(1)

DI BAWAH KONSEP ITU, YANG DIPOPULARKAN OLEH PUSAT-PUSAT PERCUTIAN TERTENTU DI NEGARA INI, SEORANG PEMBELI CUMA MEMBAYAR JUMLAH YANG KECIL YANG MEMBOLEHKANNYA MENGGUNAKAN KONDO ITU UNTUK TUJUH HARI DALAM SETAHUN.

BELIAU JUGA BERKATA SYARSKAT ITU KINI BERUNDING DENGAN SYARIKAT TV BRITISH DAN LAIN-LAIN BAGI KEMUNGKINAN MEMPERKENALKAN SIARAN LANGSUNG KE PUSAT PERANGINAN ITU.

PROMET TERDAHULU DARI INI TELAH DITEMUI OLEH SYARIKAT-SYARIKAT TV PERANCIS YANG BERMINAT MENAWARKAN KEMUDAHAN YANG SERUPA.

PEGAWAI ITU BERKATA BAHAWA SYARIKAT ITU MASIH BELUM MEMUTUSKAN PERKARA ITU KERANA IA MASIH MENGAJI BEBERAPA TAWARAN. -- BERNAMA.

19/PROMET 22 11 86